

KRITERIA KEPEMIMPINAN MENURUT HAMKA DALAM TAFSIR AL-AZHAR

(LEADERSHIP CRITERIA ACCORDING TO HAMKA IN TAFSIR AL-AZHAR)

MUHEJI, M. M. M.^{1*} – IDRIS, M. D. I. M.¹

¹ *Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCED), University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: ufl240003[at]umcced.edu.my*

(Received 07th March 2026; revised 01st May 2026; accepted 20th May 2026)

Abstrak. Artikel ini mengkaji kriteria pemilihan pemimpin menurut Hamka melalui karya agungnya, Tafsir Al-Azhar. Fokus diberikan kepada huraian beliau terhadap Surah Al-Baqarah ayat 247 hingga 248. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan analisis linguistik dengan berpanduan pendekatan tafsir tahlili. Melalui kaedah tersebut, kajian meneliti hujah-hujah Hamka yang menetapkan dua kriteria utama kepemimpinan. Kriteria pertama ialah keluasan ilmu pengetahuan (bastatan fi al-'ilm) dan kriteria kedua ialah kecergasan tubuh badan (bastatan fi al-jism). Kajian mendapati bahawa Hamka secara tegas menolak landasan keturunan dan kekayaan sebagai asas pelantikan pemimpin. Sebaliknya, beliau menekankan bahawa kompetensi intelektual dan keupayaan fizikal merupakan prasyarat yang dikehendaki oleh Islam. Analisis terhadap ayat 248 turut mendedahkan dimensi ketiga kepemimpinan. Dimensi ini merujuk kepada keupayaan pemimpin memberikan ketenangan rohani (sakinah) kepada pengikutnya, melangkaui sekadar kecekapan teknikal semata-mata. Penafsiran Hamka dibandingkan secara kritis dengan Ibnu Kathir, Sayyid Qutb dan Quraish Shihab bagi menampakkan keunikan dan sumbangan khas beliau. Kajian ini menyumbang secara signifikan kepada wacana akademik dalam bidang tafsir al-Quran dan kepemimpinan Islam, khususnya dalam konteks masyarakat Nusantara masa kini.

Katakunci: *kepemimpinan Islam, tafsir tahlili, kriteria pemimpin, bastatan fi al-'ilm, sakinah*

Abstract. This article examines the criteria for leadership selection as presented by Hamka through his monumental Quranic exegesis, Tafsir Al-Azhar. The focus is specifically on his interpretation of Surah Al-Baqarah, verses 247 to 248. The study employs textual analysis and linguistic analysis, guided by the tahlili exegetical approach. Using these methods, the study examines Hamka's arguments establishing two primary leadership criteria. The first is breadth of knowledge (bastatan fi al-'ilm) and the second is physical capability (bastatan fi al-jism). The study finds that Hamka firmly rejects lineage and wealth as bases for leadership appointment. Instead, he emphasises that intellectual competence and physical capability are prerequisites demanded by Islam. Analysis of verse 248 further reveals a third dimension of leadership. This dimension refers to the capacity of a leader to instil spiritual tranquillity (sakinah) among those led, transcending mere technical competence. Hamka's interpretation is critically compared with Ibn Kathir, Sayyid Qutb and Quraish Shihab to highlight its unique contributions. This study contributes to scholarly discourse in the fields of Quranic exegesis and Islamic leadership studies, particularly within the contemporary Nusantara context.

Keywords: *Islamic leadership, tahlili exegesis, leadership criteria, bastatan fi al-'ilm, sakinah*

Pengenalan

Sejarah membuktikan bahawa kejatuhan sesebuah tamadun sering bermula bukan daripada kekurangan sumber tetapi daripada salah pilih pemimpin. Soal kepemimpinan merupakan antara perbincangan yang paling fundamental dalam tradisi pemikiran Islam. Sejak zaman Rasulullah SAW hingga era kontemporari, para ulama, fuqaha dan

pemikir Muslim tidak pernah berhenti membahaskan ciri-ciri dan syarat-syarat yang perlu ada pada diri seorang pemimpin yang dianggap layak menurut pandangan agama (Mustafa, 2020; Mamat dan Noor, 2017; Al-Qaradawi, 2009). Persoalan ini bukan sahaja berkaitan agama tetapi juga melibatkan aspek politik, sosial dan moral yang saling berhubung antara satu sama lain. Al-Quran al-Karim, sebagai sumber utama ajaran Islam memberikan panduan yang komprehensif berkaitan hal kepemimpinan. Salah satu kisah yang paling kaya dengan iktibar ialah kisah Thalut dalam Surah Al-Baqarah, ayat 247 dan 248. Kisah ini menggambarkan bagaimana Allah SWT memilih Thalut sebagai raja ke atas Bani Israil dan bagaimana pemilihan itu menuai bantahan daripada golongan yang menganggap diri mereka lebih berhak kerana faktor keturunan dan kekayaan (Fatma et al., 2025; Al-Tabari, 2001; Ibnu Kathir, 2000). Respons kepada bantahan itulah yang menjadi teras perbincangan tentang kriteria sebenar pemimpin menurut Islam. Dalam konteks ini, karya tafsir Haji Abdul Malik Karim Amrullah yang lebih dikenali sebagai Hamka iaitu Tafsir Al-Azhar, menawarkan satu penafsiran yang amat kaya dan mendalam. Hamka bukan sahaja seorang ulama agama yang disegani malahan beliau juga seorang pemikir, sasterawan dan pejuang kemerdekaan yang memahami realiti sosio-politik zamannya (Riddell, 2001; Federspiel, 1996; Hamka, 1981). Justeru, penafsirannya terhadap ayat-ayat kepemimpinan bukan sekadar ulasan literal tetapi mengandungi dimensi-dimensi pemikiran yang segar dan relevan.

Kajian akademik berkaitan Tafsir Al-Azhar telah banyak dilakukan, namun tumpuan khusus terhadap analisis kriteria kepemimpinan masih kurang digarap secara mendalam. Ini termasuklah penafsiran Hamka terhadap Surah Al-Baqarah ayat 247-248 yang belum dikaji secara khusus dan menyeluruh (Yusoff dan Abdullah, 2013; Abdullah, 2011; Ibrahim, 2001). Kebanyakan kajian sedia ada sama ada memfokus kepada aspek biografi Hamka, metodologi tafsir beliau secara umum atau isu-isu fiqh dalam Tafsir Al-Azhar. Ruang kosong dalam kajian berkaitan pemikiran kepemimpinan Hamka secara khusus melalui analisis linguistik dan komparatif inilah yang menjadi justifikasi utama kajian ini dilaksanakan. Sehubungan itu, artikel ini menganalisis penafsiran Hamka terhadap Surah Al-Baqarah ayat 247 hingga 248 bagi mengenal pasti kriteria kepemimpinan yang dikemukakan beliau, membandingkannya dengan mufassir terkemuka yang lain serta menilai relevansinya dalam konteks kepemimpinan Islam masa kini.

Pernyataan masalah

Krisis kepemimpinan dalam dunia Islam masa kini bukan sekadar fenomena biasa. Indeks Persepsi Rasuah 2023 menunjukkan lebih dua pertiga negara di dunia termasuk majoriti negara Islam mendapat skor di bawah 50 daripada 100 (TI, 2024). Angka ini mencerminkan tahap tadbir urus yang lemah, dengan rasuah, nepotisme dan ketidakcekapan menjadi fenomena yang berleluasa (Iqbal dan Lewis, 2009). Punca utama kepada masalah ini dapat dikesan pada proses pemilihan pemimpin itu sendiri. Pemilihan pemimpin sering dipengaruhi oleh faktor sampingan seperti hubungan kekeluargaan dan pengaruh politik. Kekayaan material turut menjadi penentu utama, bukan kelayakan dan kompetensi sebenar (Iqbal dan Lewis, 2009; Azra, 1999). Realiti ini jelas bertentangan dengan panduan yang telah digariskan oleh al-Quran dan dihuraikan oleh para ulama tafsir. Dalam hal ini, penafsiran Hamka (1990) melalui Tafsir Al-Azhar menawarkan jawapan yang sangat relevan. Sebagai ulama yang hidup dalam realiti sosio-politik yang kompleks, Hamka bukan sekadar menghuraikan teks bahkan beliau menghubungkan prinsip al-Quran dengan cabaran kepemimpinan yang

nyata. Beliau telah secara jelas menggariskan dua kriteria utama yang perlu ada pada pemimpin berdasarkan Surah Al-Baqarah ayat 247 hingga 248. Namun, penafsiran beliau ini belum dikaji secara khusus dan mendalam. Tiada kajian yang menggabungkan analisis linguistik, analisis komparatif dan penilaian kesesuaian semasa secara bersepadu (Hidayati, 2018; Abdullah, 2011). Ketiadaan kajian sedemikian menyebabkan khazanah pemikiran Hamka tentang kepemimpinan tidak dimanfaatkan sepenuhnya, baik dalam wacana akademik mahupun dalam pembangunan dasar kepemimpinan Islam kontemporari.

Objektif kajian

Objektif kajian boleh dibahagikan kepada: (1) OK1: Menenal pasti dan menganalisis kriteria pemilihan pemimpin menurut Hamka (1990) dalam Tafsir Al-Azhar berdasarkan Surah Al-Baqarah ayat 247 dan 248 melalui pendekatan tafsir tahlili. (2) OK2: Membandingkan penafsiran Hamka dengan pandangan Ibnu Kathir, Sayyid Qutb dan Quraish Shihab bagi menilai keunikan dan sumbangan khas beliau. (3) OK3: Menilai relevansi penafsiran Hamka dalam menangani krisis kepemimpinan Islam kontemporari dengan rujukan khusus kepada konteks masyarakat Nusantara.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan tiga kaedah utama iaitu analisis teks, analisis komparatif dan analisis kandungan. Ketiga-tiga kaedah ini dipilih kerana ia paling sesuai untuk mengkaji sebuah karya tafsir yang bersifat teks, bahasa dan pemikiran (Creswell, 2014; Long, 2009). Analisis teks (textual analysis) dijalankan terhadap sumber primer kajian iaitu Tafsir Al-Azhar Jilid 1 karya Hamka (1990). Melalui kaedah ini, pengkaji membaca dan meneliti secara langsung huraian Hamka terhadap Surah Al-Baqarah ayat 247 dan 248. Tumpuan diberikan kepada pemilihan kata, struktur hujah dan cara Hamka menghubungkan teks al-Quran dengan realiti semasa. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti dengan tepat pendirian dan pandangan Hamka tentang kriteria pemimpin tanpa bergantung kepada tafsiran pihak lain. Analisis komparatif (comparative analysis) pula digunakan untuk membandingkan penafsiran Hamka dengan tiga mufassir terkemuka yang lain iaitu Qutb (2003), Quraish Shihab (2002) dan Ibnu Kathir (2000). Perbandingan ini dilakukan berdasarkan empat aspek utama. Aspek tersebut merangkumi pendirian terhadap kriteria keturunan dan kekayaan, definisi ilmu kepemimpinan, hubungan penafsiran dengan realiti semasa serta tafsiran terhadap konsep sakinah dalam ayat 248. Melalui perbandingan ini, keunikan dan sumbangan khas Hamka dapat ditonjolkan dengan lebih jelas (Long, 2009).

Analisis kandungan (content analysis) digunakan untuk memperinci dan mengkategorikan dapatan daripada kedua-dua kaedah sebelumnya. Pengkaji mengikuti prosedur yang dicadangkan oleh Krippendorff (2004) iaitu membaca data secara berulang, mengenal pasti tema berulang, mengkategorikan tema dan membina dapatan secara sistematik. Kaedah ini memastikan bahawa analisis dilakukan secara teratur dan tidak bersifat subjektif semata-mata. Sumber-sumber yang dirujuk dalam kajian ini terdiri daripada dua kategori. Sumber primer ialah Tafsir Al-Azhar Jilid 1 (Hamka, 1990) manakala sumber sekunder merangkumi kitab-kitab tafsir klasik dan kontemporari, buku-buku berkaitan pemikiran Hamka serta artikel jurnal yang diterbitkan dalam pangkalan data Scopus dan Web of Science. Sumber klasik dirujuk

tanpa batasan tempoh bagi memastikan ketepatan analisis tafsir, manakala sumber kontemporari memberi keutamaan kepada penerbitan dalam tempoh 2010 hingga 2024.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Kajian berkaitan Hamka dan Tafsir al-Azhar

Kajian berkaitan Hamka dan Tafsir Al-Azhar telah berkembang dalam beberapa arah yang berbeza. Dari sudut biografi dan pemikiran, Hamka (1981) dalam *Pribadi dan Martabat Buya Hamka* memberikan gambaran komprehensif tentang kehidupan, perjuangan dan pemikiran beliau. Federspiel (1996) pula mengkaji populariti dan pengaruh Tafsir Al-Azhar dalam tradisi keilmuan Islam Indonesia. Kedua-dua kajian ini menjadi rujukan asas bagi memahami konteks penulisan tafsir Hamka. Dari sudut metodologi tafsir, Ibrahim (2001) mengenal pasti bahawa Hamka menggunakan pendekatan tahlili yang dipadukan dengan unsur-unsur adabi ijtima'i iaitu sastera dan kemasyarakatan. Hidayati (2018) pula menghujahkan bahawa Hamka adalah pelopor tafsir kontekstual di rantau Nusantara yang menggabungkan tradisi tafsir Timur Tengah dengan kearifan tempatan. Abdullah (2011) menganalisis pemikiran Hamka tentang kepemimpinan Islam secara umum, namun kajian beliau tidak memfokus secara khusus kepada analisis linguistik ayat 247-248. Dalam konteks Islam Nusantara pula, Riddell (2001) menempatkan Tafsir Al-Azhar sebagai antara karya tafsir paling berpengaruh di rantau ini. Azra (1999) mengkaji peranan Hamka dalam membentuk wacana Islam kontemporari di Indonesia. Kajian-kajian ini secara kolektif menunjukkan bahawa Hamka adalah tokoh yang sangat penting, namun analisis spesifik tentang pemikiran kepemimpinan beliau dalam konteks ayat 247-248 masih merupakan ruang kosong yang perlu diisi.

Kajian berkaitan kepemimpinan dalam Islam

Kajian berkaitan kepemimpinan dalam Islam telah berkembang pesat dalam dekad terakhir. Mamat dan Noor (2017) membuat tinjauan komprehensif tentang model-model kepemimpinan Islam dalam *International Journal of Islamic Leadership*. Menerusi tinjauan tersebut, mereka mengenal pasti bahawa kebanyakan model yang dicadangkan oleh sarjana Muslim kontemporari masih kurang mengintegrasikan pandangan mufassir-mufassir klasik dan pertengahan. Iqbal dan Lewis (2009) menghujahkan bahawa krisis kepemimpinan dalam dunia Islam berpunca daripada kegagalan mengintegrasikan prinsip-prinsip al-Quran dalam amalan kepemimpinan kontemporari. Mereka menekankan kepentingan kembali kepada sumber-sumber tafsir untuk mendapatkan panduan berkaitan kriteria pemimpin. Dapatan ini secara langsung menyokong relevansi kajian tentang penafsiran Hamka. Fatma et al. (2025) mengkaji kisah Thalut dari perspektif kepemimpinan transformasional dalam *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan*. Mereka menghujahkan bahawa dua kriteria yang disebutkan dalam ayat 247 selari dengan komponen-komponen utama teori kepemimpinan transformasional. Namun demikian, kajian tersebut tidak menganalisis secara mendalam penafsiran Hamka mahupun melakukan analisis linguistik yang komprehensif. Mohd Sani et al. (2020) mengkaji kriteria pemimpin menurut al-Quran secara umum dalam *Jurnal Hadhari*. Menerusi kajian tersebut, mereka mengenal pasti enam kriteria utama kepemimpinan yang disebutkan dalam pelbagai ayat al-Quran. Kajian mereka menyebut ayat 247 tetapi tidak memfokus kepada penafsiran Hamka secara khusus.

Kajian berkaitan kisah Thalut dalam tafsir

Kisah Thalut dalam al-Quran telah dikaji oleh ramai sarjana dari pelbagai sudut. Al Ajlaan (2025) mendapati bahawa pemilihan Thalut sebagai pemimpin didasarkan pada kemampuan dan kelayakan, bukan kedudukan sosial atau kekayaan. Ini menunjukkan bahawa al-Quran menekankan kepemimpinan yang berasaskan kompetensi dan pilihan Ilahi. Kajian ini selari dengan dapatan Hamka (1990) namun tidak melakukan analisis linguistik yang mendalam terhadap istilah bastatan dalam ayat tersebut. Yusoff dan Abdullah (2013) dalam Jurnal al-Tamaddun mengkaji pandangan Hamka tentang kepemimpinan secara umum melalui Tafsir Al-Azhar. Kajian mereka memberikan asas penting, namun tidak mengkhususkan analisis kepada ayat 247-248 mahupun melakukan perbandingan sistematik dengan mufasssir lain. Berdasarkan sorotan literatur ini, jelas terdapat jurang kajian yang signifikan dalam bidang ini. Tiada kajian yang secara khusus menganalisis penafsiran Hamka terhadap Surah Al-Baqarah ayat 247-248 dengan mengintegrasikan analisis linguistik, analisis komparatif antara mufasssir dan penilaian relevansi kontekstual dalam satu kajian yang komprehensif. Kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut.

Pendekatan Tafsir Tahlili

Kajian ini menggunakan pendekatan tafsir tahlili sebagai kerangka analisis utama. Tafsir tahlili adalah kaedah tafsir yang menghuraikan ayat-ayat al-Quran secara berurutan dan terperinci (Saleh, 2010). Penafsiran secara tahlili merangkumi aspek-aspek bahasa, sebab nuzul, kandungan hukum dan isyarat-isyarat saintifik yang terkandung dalam ayat. Kaedah ini dipilih kerana ia adalah kaedah yang digunakan oleh Hamka sendiri dalam Tafsir Al-Azhar dan oleh itu menjadi kaedah yang paling relevan untuk menganalisis karya beliau. Dalam konteks kajian ini, pendekatan tahlili dioperasikan melalui tiga peringkat analisis. Analisis aspek kebahasaan (al-tahlil al-lughawi) dijalankan terhadap istilah-istilah kunci dalam ayat 247-248. Analisis konteks sejarah (asbab al-nuzul) pula melibatkan penelitian terhadap latar belakang kisah Thalut dan situasi Bani Israil ketika ayat diturunkan. Analisis kandungan hukum dan tarbawi (al-tahlil al-tarbawi) kemudiannya merangkumi implikasi praktis penafsiran terhadap amalan kepemimpinan (Ibrahim, 2001).

Model kepemimpinan Islam

Selain pendekatan tafsir, kajian ini turut menggunakan kerangka teori kepemimpinan Islam sebagai asas analisis. Teori kepemimpinan Islam membincangkan ciri-ciri dan syarat-syarat yang perlu ada pada pemimpin Muslim berdasarkan sumber-sumber Islam dan sejarah kepemimpinan umat Islam. Mamat dan Noor (2017) mencadangkan model kepemimpinan Islam yang terdiri daripada empat dimensi iaitu dimensi teologis, dimensi intelektual, dimensi moral dan dimensi fizikal-psikologis. Keempat-empat dimensi ini dijadikan asas perbandingan dalam menganalisis kriteria kepemimpinan yang dikemukakan oleh Hamka (1990) dalam bahagian analisis kajian ini. Mustafa (2020) pula mencadangkan bahawa perbincangan tentang kriteria pemimpin menurut al-Quran perlu mengintegrasikan tiga perspektif. Perspektif tersebut merangkumi apa yang sepatutnya berlaku, apa yang pernah dipraktikkan dan apa yang sesuai untuk masa depan. Kerangka tiga perspektif ini dijadikan panduan dalam membincangkan kesesuaian penafsiran Hamka (1990) dalam konteks semasa.

Konsep kunci: Bastatan fi al-'Ilm wa al-Jism

Konsep teras yang menjadi fokus kajian ini ialah ungkapan bastatan fi al-'ilm wa al-jism yang muncul dalam Surah Al-Baqarah ayat 247. Perkataan bastatan berasal daripada kata kerja basata yang membawa makna asas meluaskan atau membentangkan sesuatu sehingga melampaui had yang biasa. Wehr dan Cowan (1994) dalam A Dictionary of Modern Written Arabic menjelaskan bahawa akar kata ba-sin-ta' membawa maksud keluasan yang menonjol dan ketara. Ini bermaksud sesuatu yang jauh melebihi orang lain, bukan sekadar sedikit lebih baik. Justeru, al-Quran tidak hanya mensyaratkan pemimpin yang sekadar "ada ilmu" atau "ada kekuatan" tetapi pemimpin yang benar-benar unggul dan terserlah dalam kedua-dua perkara tersebut. Al-Raghib al-Asfahani dalam Mufradat Alfaz al-Quran menjelaskan bahawa perkataan bast boleh merujuk kepada keluasan yang bersifat fizikal dan juga keluasan yang bersifat dalaman seperti ilmu dan kekuatan jiwa (Guezou, 2011). Pemerhatian ini penting kerana dalam ayat 247, perkataan bastatan digunakan untuk kedua-dua ilmu dan fizikal serentak. Ini menunjukkan bahawa seorang pemimpin perlu unggul pada kedua-dua dimensi tersebut secara seimbang, bukan pada satu sahaja. Hamka (1990) memahami nuansa ini dengan baik apabila beliau menegaskan bahawa ilmu yang dimaksudkan adalah ilmu yang relevan dengan tugas yang dipikul, bukan ilmu umum semata-mata. Pilihan perkataan bastatan oleh al-Quran secara langsung menolak pemimpin yang sekadar "ada kelayakan" dan menggantikannya dengan pemimpin yang benar-benar menguasai bidangnya secara mendalam.

Latar belakang Hamka dan Tafsir Al-Azhar

Biografi ringkas Hamka

Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau Hamka dilahirkan pada 17 Februari 1908 di Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia. Beliau merupakan anak kepada Syaikh Abdul Karim Amrullah (Haji Rasul), seorang ulama terkemuka dalam gerakan pembaharuan Islam di Minangkabau (Hamka, 1981). Hamka memiliki pelbagai dimensi keilmuan yang luar biasa sebagai seorang ulama, sasterawan prolific, wartawan, ahli politik dan pejuang kemerdekaan Indonesia (Riddell, 2001; Federspiel, 1996). Pengalaman hidup beliau yang kaya dan luas membentuk kedalaman pemikirannya. Peristiwa paling bersejarah dalam kehidupan intelektual Hamka ialah tempoh pemenjaraan selama dua tahun (1964-1966) semasa pemerintahan Presiden Sukarno. Di dalam sel penjara itulah sebahagian besar Tafsir Al-Azhar ditulis, menjadikannya antara karya tafsir yang paling dramatik dalam tradisi keilmuan Islam Nusantara (Azra, 1999). Hamka kembali ke rahmatullah pada 24 Julai 1981 di Jakarta dan meninggalkan khazanah intelektual yang tidak ternilai.

Tafsir Al-Azhar: Sejarah, metodologi dan ciri-ciri

Tafsir Al-Azhar ditulis bermula pada tahun 1958, mengambil nama sempena Masjid Al-Azhar di Jakarta tempat Hamka mula-mula menulis tafsir ini (Ibrahim, 2001). Ia ditulis dalam bahasa Melayu-Indonesia yang mudah difahami namun tidak mengorbankan kedalaman ilmiah (Hidayati, 2018; Federspiel, 1996). Dari segi metodologi, Hamka menggunakan pendekatan tahlili yang dipadukan dengan unsur adabi ijtima'i iaitu tafsir yang memberi perhatian kepada dimensi sastera dan

kemasyarakatan (Ibrahim, 2001). Beliau merujuk kepada pelbagai pandangan ulama terdahulu seperti Ibnu Kathir, Al-Tabari, Al-Razi dan Al-Qurtubi sambil sesekali mengutarakan pandangan peribadinya yang kritis. Ciri khas Hamka ialah keupayaan beliau menghubungkan ayat al-Quran dengan realiti semasa secara langsung dan kritis, sesuatu yang dianggap sebagai inovasi dalam tradisi tafsir Nusantara (Hidayati, 2018; Riddell, 2001).

Teks, terjemahan dan konteks Surah Al-Baqarah Ayat 247-248

Teks dan terjemahan ayat

Surah Al-Baqarah ayat 247 dan 248 merupakan sebahagian daripada kisah panjang Bani Israil yang bermula dari ayat 243. Ayat 247:

الْمَلِكُ لَهُ يَكُونُ أَنَّى قَالُوا أَأَمْلِكُ طَالُوتَ لَكُمْ بَعَثَ قَدْ اللَّهُ إِنَّ نَبِيَّهُمْ لَهُمْ وَقَالَ
عَلَيْكُمْ أَصْطَفَاهُ اللَّهُ إِنَّ قَالِ الْمَالِ مِنْ سَعَةٍ يُوتَ وَلَمْ مِنْهُ بِالْمَلِكِ أَحَقُّ وَنَحْنُ عَلَيْنَا
عَلِيمٌ وَسِعَ وَاللَّهُ يَشَاءُ مَنْ مَلَكَهُ يُؤْتِي وَاللَّهُ وَالْجِسْمُ الْعِلْمُ فِي بَسْطَةِ وَزَادَهُ

Terjemahan: "Dan Nabi mereka berkata kepada mereka: Sesungguhnya Allah telah melantik Thalut menjadi raja kamu. Mereka menjawab: Bagaimana dia akan menjadi raja kami sedangkan kami lebih berhak terhadap kekuasaan itu daripadanya, dan dia pun tidak diberi kekayaan yang banyak? Nabi berkata: Sesungguhnya Allah telah memilihnya menjadi raja kamu dan telah mengurniakannya dengan keluasan ilmu pengetahuan dan kekuatan badan. Dan Allah yang memberikan kekuasaan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Allah Maha Luas kurnia-Nya, lagi Maha Mengetahui."

(Al-Baqarah: 247)

Ayat 248:

مِمَّا وَبَقِيَّةَ رَبِّكُمْ مِنْ سَكِينَةٍ فِيهِ التَّابُوتُ يَأْتِيكُمْ أَنْ مَلَكَةٍ آيَةٍ إِنَّ نَبِيَّهُمْ لَهُمْ وَقَالَ
مُؤْمِنِينَ كُنْتُمْ إِنْ لَكُمْ لَآيَةٌ ذَلِكَ فِي إِنْ الْمَلِكَةَ تَحْمِلُهُ هَارُونَ وَعَالُ مُوسَى عَالُ تَرَكَ

Terjemahan: "Dan Nabi mereka berkata kepada mereka: Sesungguhnya tanda kerajaan Thalut ialah datangnya kepada kamu peti Tabut yang di dalamnya terdapat ketenangan daripada Tuhan kamu dan sisa-sisa peninggalan keluarga Musa dan keluarga Harun, yang dibawa oleh malaikat-malaikat. Sesungguhnya yang demikian itu adalah satu tanda bukti bagi kamu jika betul-betul kamu orang-orang yang beriman."

(Al-Baqarah: 248)

Latar belakang kisah Thalut

Untuk memahami penafsiran Hamka secara mendalam, pemahaman terhadap latar belakang sejarah kisah Thalut adalah penting. Kisah ini berlaku pada zaman Bani Israil ketika mereka berada dalam tekanan dan penindasan daripada musuh-musuh mereka (Al-Tabari, 2001; Ibnu Kathir, 2000). Para pemimpin Bani Israil meminta kepada Nabi Samuel untuk melantik seorang raja yang akan memimpin mereka berperang. Allah

SWT mewahyukan kepada Nabi Samuel bahawa pilihan-Nya jatuh kepada Thalut, seorang lelaki yang bukan berasal dari keturunan raja dan bukan pula orang yang kaya. Pilihan ini menimbulkan protes keras daripada Bani Israil. Mereka menganggap diri lebih layak kerana status keturunan yang lebih mulia dan kekayaan material yang lebih banyak berbanding Thalut (Zamakhshari, 1995; Hamka, 1990). Inilah konteks yang menjadi tapak Hamka mengupas secara terperinci tentang kriteria sebenar kepemimpinan menurut Islam.

Analisis penafsiran Hamka terhadap kriteria pemilihan pemimpin

Penolakan Hamka terhadap kriteria keturunan dan kekayaan

Antara aspek paling signifikan dalam penafsiran Hamka ialah kritikan tajam beliau terhadap kecenderungan menjadikan keturunan dan kekayaan sebagai kayu ukur utama dalam pemilihan pemimpin. Hamka (1990) menegaskan bahawa bantahan Bani Israil terhadap pelantikan Thalut merupakan cerminan sikap jahiliah yang masih menebal dalam masyarakat iaitu meletakkan darjat seseorang berdasarkan susur galur keturunan (nasab) atau kemewahan harta benda (mal) dan bukannya berpaksikan kelayakan serta keupayaan sebenar. Pandangan ini selari dengan kritikan Ibnu Taimiyah (1988) dalam Al-Siyasah al-Shar'iyah yang turut menolak kriteria keturunan dan kekayaan serta pandangan Al-Qaradawi (2009) yang menekankan prinsip keadilan dan kompetensi dalam kepemimpinan Islam. Hamka (1990) menulis dengan nada yang kritis:

“Di sini nampak lagi penyakit yang menyebabkan mereka dapat ditindas oleh bangsa Palestina; semua pemuka merasa berhak, baik karena keturunan atau karena kekayaan.”

(Hamka, 1990)

Pilihan perkataan "penyakit" oleh Hamka dalam petikan ini bukan sesuatu yang berlaku secara kebetulan. Ia adalah pilihan kata yang sangat disengajakan dan mengandungi makna yang jauh lebih dalam daripada sekadar kritikan biasa. Dalam tradisi perubatan, penyakit adalah sesuatu yang merosakkan tubuh dari dalam secara perlahan-lahan, tidak kelihatan pada permukaannya tetapi memusnahkan dari dalam. Hamka menggunakan metafora ini dengan tepat sekali untuk menggambarkan bahawa mentaliti mengutamakan keturunan dan kekayaan adalah sesuatu yang merosakkan masyarakat dari dalam tanpa disedari (Hidayati, 2018; Abdullah, 2011). Lebih daripada itu, penggunaan perkataan "penyakit" menunjukkan bahawa Hamka (1990) melihat masalah ini bukan sebagai isu politik semata-mata, tetapi sebagai penyakit sosial yang memerlukan rawatan menyeluruh. Ini adalah pendekatan diagnosis sosial yang sangat moden dan relevan. Hamka seolah-olah berperanan sebagai doktor masyarakat yang mengenal pasti punca penyakit sebelum mencadangkan ubatnya. Ubat yang beliau cadangkan adalah jelas iaitu kembali kepada prinsip al-Quran yang mengutamakan kompetensi dan kelayakan sebagai asas pemilihan pemimpin (Mustafa, 2020; Iqbal dan Lewis, 2009). Aspek yang paling menarik ialah bagaimana Hamka (1990) menghubungkan mentaliti Bani Israil ini dengan akibat yang mereka tanggung iaitu penindasan oleh bangsa Palestina. Ini bukan sekadar laporan sejarah semata-mata. Hamka secara tersirat menyampaikan mesej yang sangat kuat bahawa masyarakat yang memilih pemimpin atas dasar keturunan dan kekayaan akan akhirnya menjadi lemah dan mudah ditindas. Hubungan sebab-akibat yang dibina oleh Hamka ini adalah sangat

relevan dalam konteks dunia Islam hari ini. Kajian Kaufmann dan Kraay (2021) tentang indikator tadbir urus global membuktikan bahawa negara-negara yang masih mengamalkan budaya nepotisme dan kronisme dalam pemilihan pemimpin terus berada dalam kitaran tadbir urus yang lemah dan tidak berkesan. Berbeza dengan mufassir lain seperti Ibnu Kathir (2000) yang membincangkan bantahan Bani Israil hanya dalam konteks sejarah tanpa menghubungkannya dengan realiti semasa, Hamka (1990) berjaya menjadikan kisah berusia ribuan tahun ini sebagai cermin yang memantulkan wajah masyarakat Islam kontemporari. Keupayaan beliau untuk merentasi sempadan masa dalam analisis sosialnya inilah yang menjadikan Tafsir Al-Azhar bukan sekadar kitab tafsir tradisional, tetapi sebuah panduan kepemimpinan yang hidup dan relevan untuk setiap zaman (Yusoff dan Abdullah, 2013; Riddell, 2001).

Kriteria Pertama: Bastatan fi al-'Ilm (Keluasan Ilmu)

Konsep ilmu menurut Hamka

Penegasan Hamka ini memberikan isyarat jelas bahawa kriteria ilmu dalam Islam bersifat dinamik dan praktikal. Beliau melihat ilmu sebagai alat penyelesaian masalah masyarakat, bukan sekadar hiasan status akademik. Dalam konteks pentadbiran masa kini, pandangan beliau ini menolak amalan pelantikan pemimpin yang hanya bersandarkan kepada populariti atau kedudukan dalam organisasi tanpa mempunyai asas kepakaran yang kukuh. Hal ini membuktikan bahawa integriti ilmu merupakan tunjang utama dalam memastikan setiap keputusan dibuat berasaskan fakta dan kebenaran, bukannya mengikut kepentingan peribadi. Hamka (1990) menghuraikan bahawa ilmu yang diperlukan oleh seorang pemimpin bukan sekadar ilmu agama semata-mata. Beliau menulis:

“Di sini al-Quran telah meninggalkan dua pokok dasar buat memilih orang yang akan dijadikan pemimpin, dan mencapai puncak kekuasaan. Pertama ialah ilmu. Kedua tubuh. Terutama ilmu berkenaan dengan tugas yang sedang dihadapinya, sehingga dia tidak ragu-ragu dalam menjalankan pimpinan. Yang terpenting sekali ialah ilmu dalam cara mempergunakan tenaga.”

(Hamka, 1990)

Pandangan ini selari dengan Daud (1997) yang menekankan keperluan menyatukan ilmu agama dan ilmu dunia. Hamka tidak mengehadkan konsep 'ilmu' kepada ilmu agama sahaja, sebaliknya menekankan keperluan menguasai ilmu yang berkaitan langsung dengan tugas yang dipikul. Prinsip ini sama dengan pendekatan kepemimpinan moden yang mengutamakan kepakaran dalam bidang tertentu (Iqbal dan Lewis, 2009).

Contoh historis: Khalid bin Walid

Hamka (1990) memberikan contoh yang sangat tepat daripada sejarah Islam. Beliau mengutarakan kisah Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq yang memilih Khalid bin Walid sebagai ketua tentera, bukan Sayyidina Abu Ubaidah. Hamka (1990) menulis:

“Di sinilah maka Saiyidina Umar bin Khathab seketika memerintah pernah mengakui terus-terang bahwa Abu Bakar lebih pintar dari dia dalam memilih tenaga. Abu Bakar telah memilih Khalid bin Walid menjadi kepala perang padahal

Umar kurang setuju. Sebab ada beberapa tabiat Khalid yang tidak disukainya... Abu Bakar melihat bahwa Khalid itu alim, tidak diperlukan dalam memimpin peperangan jarang taranya. Abu Ubaidah meskipun lebih alim, tidaklah sepintar Khalid dalam ilmu perang.”

(Hamka, 1990)

Melalui contoh pelantikan Khalid bin Walid ini, Hamka berjaya meruntuhkan persepsi sempit yang sering kali menganggap bahawa pemimpin yang paling warak atau paling alim dalam urusan ibadah secara automatik paling layak memimpin semua bidang. Sebaliknya, keutamaan diberikan kepada 'ilmu dalam cara mempergunakan tenaga' atau kecekapan strategik. Analisis ini menunjukkan bahawa Islam sangat mementingkan sistem yang menghargai kebolehan sebenar. Hal ini secara tidak langsung mencabar budaya pilih kasih yang masih wujud dalam sesetengah masyarakat, di mana jawatan sering diberikan berdasarkan hubungan rapat berbanding keupayaan intelektual yang relevan dengan bidang tugas tersebut.

Kriteria kedua: Bastatan fi al-Jism (Keupayaan fizikal)

Kriteria kedua yang dinyatakan dalam ayat 247 ialah bastatan fi al-jism. Hamka (1990) menulis:

“Yang dimaksud dengan tubuh ialah kesihatan, bentuk tampan, yang menimbulkan simpati. Itulah sebab maka ulama-ulama Fiqh banyak berpendapat bahawa seseorang yang badannya cacat (invalid) jangan dijadikan raja. Kecuali yang didapatnya di dalam peperangan, karena bertempur, di dalam melakukan tugas.”

(Hamka, 1990)

Untuk memahami pandangan Hamka ini secara adil dan tepat, konteks sejarah penulisannya perlu difahami terlebih dahulu. Hamka (1990) menulis dalam konteks kepemimpinan tentera zaman Bani Israil di mana pemimpin bukan sahaja berperanan sebagai pentadbir tetapi juga sebagai panglima perang yang turun ke medan tempur secara langsung. Dalam konteks sedemikian, kekuatan fizikal pemimpin bukan sekadar kelebihan tambahan tetapi merupakan keperluan praktikal yang menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah kempen ketenteraan. Thalut sendiri dipilih sebagian besar kerana kemampuannya memimpin tentera dalam pertempuran fizikal yang sengit (Al-Tabari, 2001; Ibnu Kathir, 2000). Hujah Hamka (1990) ini boleh difahami melalui tiga dimensi yang saling melengkapi. Dari sudut fungsional, pemimpin memerlukan tubuh yang sihat dan kuat untuk melaksanakan tugas berat seperti memimpin peperangan dan menghadiri majlis-majlis rasmi yang panjang dan melelahkan. Dari sudut simbolik pula, kewibawaan fizikal pemimpin meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pengikut bahawa pemimpin mereka mampu memikul tanggungjawab yang berat. Dari sudut fiqhi, ulama mensyaratkan kesempurnaan fizikal bagi pemimpin kecuali kecacatan yang diperoleh kerana pengorbanan dalam bertugas (Hamka, 1990; Ibnu Taimiyah (1988); Al-Maraghi, 1986). Aspek yang paling penting dan sering terlepas pandang dalam perbincangan tentang isu ini ialah pengecualian yang Hamka sendiri nyatakan secara eksplisit. Beliau dengan tegas mengecualikan kecacatan yang diperoleh dalam medan perang atau semasa melaksanakan tugas. Pengecualian ini bukan sekadar nota kaki yang kecil. Ia mencerminkan kefahaman Hamka yang mendalam bahawa kecacatan fizikal yang lahir daripada pengorbanan dan dedikasi kepada tugas sebenarnya adalah lambang

keberanian dan komitmen yang paling tinggi. Seorang pemimpin yang cedera semasa bertugas tidak boleh dianggap kurang layak kerana kecacatan itu sendiri adalah bukti kelayakannya (Abdullah, 2011; Hamka, 1990).

Dalam konteks kepemimpinan moden, prinsip bastatan fi al-jism ini perlu ditafsirkan semula dengan berhati-hati. Dunia hari ini telah jauh meninggalkan zaman di mana pemimpin perlu memimpin perang secara fizikal. Kepemimpinan moden lebih menuntut ketajaman mental, ketahanan psikologi dan keupayaan membuat keputusan yang tepat dalam situasi tertekan. Justeru, tafsiran yang lebih relevan bagi bastatan fi al-jism dalam konteks kontemporari ialah keupayaan fizikal dan mental untuk berfungsi secara efektif dalam menjalankan tugas kepemimpinan, bukan kesempurnaan fizikal dalam erti kata yang sempit (Mustafa, 2020; Iqbal dan Lewis, 2009). Penting juga untuk menyatakan bahawa pandangan ini tidak boleh dijadikan asas untuk mendiskriminasi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam kepemimpinan. Konvensyen PBB mengenai Hak Orang Kurang Upaya secara jelas mengiktiraf hak OKU untuk mengambil bahagian dalam semua peringkat kepemimpinan. Sejarah Islam sendiri membuktikan bahawa ramai sahabat Nabi SAW yang mengalami kecacatan fizikal telah menjadi pemimpin yang sangat berkesan. Ini selari dengan pengecualian yang Hamka sendiri nyatakan bahawa kecacatan yang diperoleh dalam perjuangan tidak menghalang seseorang daripada menjadi pemimpin yang layak. Apa yang ditolak oleh Hamka (1990) bukan kecacatan fizikal itu sendiri, tetapi ketidakupayaan untuk berfungsi secara berkesan dalam menjalankan tanggungjawab kepemimpinan (Mohd Sani et al., 2020; Mustafa, 2020).

Gabungan ilmu dan keupayaan fizikal

Aspek yang paling menarik dalam penafsiran Hamka (1990) ialah cara beliau menghubungkan kedua-dua kriteria tersebut sebagai satu pakej yang tidak boleh dipisahkan. Hamka secara eksplisit menggunakan kata hubung "dan" (fi al-'ilm wa al-jism) untuk menunjukkan bahawa kedua-dua kriteria ini bersifat komplementari dan serentak bukan alternatif (Abdullah, 2011; Hamka, 1990). Pemimpin yang berilmu tetapi lemah dari segi fizikal mungkin tidak mampu melaksanakan keputusan dengan berkesan. Sebaliknya, pemimpin yang kuat secara fizikal tetapi kurang ilmu pengetahuan akan membuat keputusan yang tidak bijaksana. Oleh itu, kedua-dua kriteria ini perlu hadir secara serentak (Mustafa, 2020; Hamka, 1990). Hamka melihat Thalut sebagai contoh pemimpin yang menggabungkan kedua-dua kualiti ini dan pemilihan beliau oleh Allah SWT adalah bukti bahawa gabungan ini adalah syarat yang dikehendaki oleh Islam.

Analisis Ayat 248: Tabut dan dimensi rohani kepemimpinan

Tabut sebagai simbol legitimasi

Dalam ayat 248, Allah SWT memberikan satu tanda ajaib untuk mengesahkan kesahihan kepemimpinan Thalut. Hamka (1990) menghuraikan bahawa Tabut adalah sebuah peti suci yang mengandungi peninggalan-peninggalan keramat dari zaman Nabi Musa dan Nabi Harun. Pengembalian Tabut melalui cara yang ajaib merupakan satu kejadian yang luar biasa. Ia dibawa oleh dua ekor lembu tanpa pengemudi yang dipercayai diiringi oleh malaikat. Hamka (1990) menulis:

“Tandanya ialah bahawa akan datang kepada kamu tabut itu. Tabut, atau peti pusaka Nabi Musa tempat meletakkan naskah-naskah peninggalan Bani Israil dengan Allah: 'Di dalamnya ada sesuatu yang menenteramkan hati dari Tuhan kamu.’”

(Hamka, 1990)

Pandangan Hamka (1990) sama dengan Al-Tabari (2001) dan Ibnu Kathir (2000) yang melihat Tabut sebagai tanda pengesahan dari Allah SWT. Hamka kemudiannya menghubungkan makna rohani Tabut dengan keperluan pemimpin moden untuk mempunyai elemen yang memberikan keyakinan kepada pengikut (Al Ajlaan, 2025).

Sakinah dan dimensi rohani kepemimpinan

Aspek yang sangat menarik dalam penafsiran Hamka (1990) ialah ulasannya tentang perkataan *sakinah* yang disebut dalam ayat 248. Perkataan *sakinah* biasanya diterjemahkan sebagai ketenangan atau ketenteraman. Namun, Hamka menafsirkannya dengan lebih luas. Beliau melihat *sakinah* bukan sekadar ketenangan jiwa semata-mata tetapi sebagai sumber inspirasi rohani dan kekuatan moral yang sangat diperlukan oleh masyarakat yang sedang berjuang menghadapi cabaran. Kehadiran Tabut memberikan *sakinah* kepada Bani Israil iaitu keyakinan bahawa Allah SWT bersama mereka. Tafsiran ini penting kerana ia menambah dimensi ketiga kepada kriteria kepemimpinan Hamka. Selain ilmu dan keupayaan fizikal, pemimpin juga perlu mampu memberikan ketenangan, keyakinan dan semangat kepada mereka yang dipimpin (Qutb, 2003; Quraish Shihab, 2002).

Keunikan penafsiran Hamka berbanding Mufassir lain

Jadual perbandingan komprehensif

Bagi menilai keunikan dan sumbangan khas Hamka (1990), penafsiran beliau diteliti berbanding tiga mufassir terkemuka yang lain. Perbandingan ini bukan bertujuan mengkaji kesemua mufassir secara sama rata tetapi semata-mata untuk menonjolkan ciri-ciri tersendiri yang membezakan pendekatan Hamka daripada yang lain. Berdasarkan *Jadual 1*, lima aspek perbezaan utama dapat dibincangkan secara terperinci bagi menampakkan keunikan penafsiran Hamka (1990) berbanding mufassir terkemuka yang lain.

Jadual 1. Perbandingan penafsiran Hamka dengan Mufassir terkemuka.

Aspek perbezaan	Hamka (1990)	Ibnu Kathir (2000)	Qutb (2003)	Quraish Shihab (2002)
Penolakan keturunan/kekayaan	Sangat tegas + kritik sosial	Tegas berasaskan riwayat	Tegas + dimensi politik	Tegas + prinsip meritokrasi
Definisi 'Ilmu'	Ilmu relevan dengan tugas (pragmatis)	Ilmu agama + umum	Ilmu syariah + strategi	Ilmu kepimpinan menyeluruh
Hubung kait dengan realiti semasa	Sangat kuat & eksplisit	Terhad kepada sejarah	Kuat (kritik sekularisme)	Sederhana (konteks Indonesia)
Dimensi rohani (<i>sakinah</i>)	Dihurai dalam konteks inspirasi	Dihurai sebagai mukjizat	Lambang kedaulatan Islam	Ketenangan batin pemimpin
Gaya penulisan	Akademik + sasterawan	Tradisional / riwayat	Ideologis / gerakan	Akademik kontemporari

Aspek pertama: penolakan keturunan dan kekayaan

Keempat-empat mufassir bersetuju menolak keturunan dan kekayaan sebagai kriteria kepemimpinan, namun pendekatan mereka berbeza. Ibnu Kathir (2000) menolaknya berdasarkan riwayat hadith dan tradisi tafsir klasik semata-mata. Qutb (2003) menolaknya melalui lensa politik Islam dengan mengaitkannya kepada penolakan terhadap sistem aristokrasi dan sekularisme. Quraish Shihab (2002) pula menolaknya berdasarkan prinsip meritokrasi kontemporari. Hamka (1990) bagaimanapun menonjol kerana penolakan beliau disertai kritik sosial yang tajam dan eksplisit. Beliau menggelar mentaliti mengutamakan keturunan dan kekayaan sebagai "penyakit" yang boleh meruntuhkan sesebuah masyarakat. Pendekatan ini menjadikan hujah Hamka lebih berkesan kerana ia bukan sekadar perbincangan teologi tetapi juga diagnosis sosial yang mendalam (Hidayati, 2018; Abdullah, 2011).

Aspek kedua: definisi ilmu kepemimpinan

Perbezaan paling signifikan antara Hamka dan mufassir lain terletak pada definisi ilmu. Ibnu Kathir (2000) mendefinisikan ilmu secara umum merangkumi ilmu agama dan ilmu dunia tanpa mengkhususkan kepada konteks tugas. Qutb (2003) pula mengutamakan ilmu syariah dan strategi peperangan kerana konteks penulisannya yang bersifat gerakan Islam. Quraish Shihab (2002) mendefinisikan ilmu secara menyeluruh merangkumi semua dimensi kepemimpinan. Hamka (1990) bagaimanapun menawarkan definisi yang paling pragmatis dan kontekstual. Beliau menegaskan bahawa ilmu yang diperlukan adalah ilmu yang relevan secara langsung dengan tugas yang dipikul. Prinsip ini dibuktikan melalui contoh historis pemilihan Khalid bin Walid oleh Abu Bakar sebagai ketua tentera kerana kepakaran beliau dalam ilmu peperangan, bukan kerana keluasan ilmu agama semata-mata. Pendekatan pragmatis Hamka ini sangat relevan dalam konteks kepemimpinan moden yang menuntut kepakaran teknikal (Mustafa, 2020; Iqbal dan Lewis, 2009).

Aspek ketiga: hubungan dengan realiti semasa

Hamka (1990) menonjol berbanding mufassir lain kerana keupayaan beliau menghubungkan prinsip al-Quran dengan realiti sosio-politik semasa secara langsung, kritis dan eksplisit. Ibnu Kathir (2000) hampir tidak keluar dari skop sejarah kerana perbincangan beliau terhad kepada konteks kisah Bani Israil tanpa menghubungkannya dengan realiti kontemporari. Qutb (2003) menghubungkan kisah Thalut dengan realiti semasa, namun terhad kepada kritik terhadap sekularisme dan sistem politik Barat. Quraish Shihab (2002) pula menghubungkannya dengan konteks Indonesia secara sederhana tanpa analisis yang mendalam. Hamka (1990) sebaliknya menghubungkan prinsip kepemimpinan al-Quran dengan pelbagai realiti semasa termasuk politik, pentadbiran dan kemasyarakatan secara menyeluruh. Ini adalah ciri khas pendekatan adabi ijtimai yang menjadi keunikan Tafsir Al-Azhar (Hidayati, 2018; Yusoff dan Abdullah, 2013).

Aspek keempat: dimensi rohani dalam konsep sakinah

Keempat-empat mufassir menghuraikan konsep sakinah dalam ayat 248, namun dengan penekanan yang berbeza. Ibnu Kathir (2000) menghuraikannya sebagai mukjizat fizikal yang membuktikan kebenaran pelantikan Thalut. Qutb (2003) melihatnya sebagai lambang kedaulatan Islam yang perlu diperjuangkan. Quraish Shihab (2002) mentafsirkannya sebagai ketenangan batin yang perlu ada pada diri

pemimpin. Hamka (1990) bagaimanapun memberikan dimensi yang lebih luas dalam memahami sakinah. Beliau melihatnya sebagai sumber inspirasi rohani dan kekuatan moral kolektif yang diperlukan oleh masyarakat yang sedang berjuang. Tafsiran ini menambah dimensi ketiga kepemimpinan iaitu keupayaan pemimpin memberikan ketenangan dan semangat kepada pengikutnya, melangkaui sekadar kecekapan teknikal (Qutb, 2003; Quraish Shihab, 2002).

Aspek kelima: gaya penulisan

Dari sudut gaya penulisan, Ibnu Kathir (2000) menggunakan gaya tradisional yang berat dengan sanad dan riwayat. Qutb (2003) menggunakan gaya ideologis dan berapi-api yang mencerminkan latar belakang beliau sebagai aktivis gerakan Islam. Quraish Shihab (2002) menggunakan gaya akademik kontemporari yang teliti dan terstruktur. Hamka (1990) pula menggabungkan dua elemen yang jarang bertemu dalam satu karya tafsir iaitu ketelitian akademik dan keindahan sastera. Gaya penulisan beliau yang mengalir, mudah difahami namun kaya dengan makna menjadikan Tafsir Al-Azhar relevan kepada pembaca awam dan sarjana sekaligus. Ini adalah sumbangan unik Hamka kepada tradisi tafsir Nusantara yang tidak dimiliki oleh mufassir lain (Riddell, 2001; Federspiel, 1996). Secara keseluruhan, perbandingan ini mengesahkan bahawa Hamka (1990) mempunyai pendekatan yang tersendiri dan unik dalam tradisi tafsir Islam. Berbeza dengan Qutb (2003) yang menggunakan kisah Thalut sebagai asas untuk menolak sistem politik sekular secara keras, Hamka (1990) menampilkan pendekatan yang lebih inklusif dengan menerima pelbagai bentuk sistem kepemimpinan asalkan prinsip asas ilmu dan keupayaan dipatuhi. Pendekatan wasatiyyah Hamka ini dilihat lebih praktikal dan sesuai dengan konteks masyarakat Malaysia serta Indonesia yang bersifat majmuk (Riddell, 2001; Azra, 1999).

Relevansi penafsiran Hamka dalam konteks kepemimpinan semasa

Krisis kepemimpinan dalam dunia Islam kontemporari

Hamka (1990) memperingatkan bahawa pengabaian terhadap kriteria kelayakan dan kompetensi dalam pemilihan pemimpin akan membawa kepada kemerosotan tadbir urus yang serius. Amaran ini terbukti relevan apabila Indeks Persepsi Rasuah atau Corruption Perceptions Index (CPI) 2023 menunjukkan bahawa lebih dua pertiga daripada 180 buah negara di seluruh dunia mendapat skor di bawah 50 daripada 100, termasuk kebanyakan negara majoriti Muslim (TI, 2024). Data ini bukan sekadar statistik semata-mata. Ia merupakan bukti empirikal yang mengesahkan bahawa mentaliti mengutamakan keturunan dan pengaruh dalam pemilihan pemimpin, sebagaimana yang dikritik oleh Hamka (1990), masih berleluasa dalam dunia Islam kontemporari. Realiti ini turut tergambar dalam dua buah negara yang paling rapat dengan warisan intelektual Hamka iaitu Malaysia dan Indonesia. Malaysia mencatat kemajuan dalam CPI 2023 apabila skornya meningkat daripada 47 kepada 50 dan kedudukannya naik dari tangga ke-61 kepada ke-57 daripada 180 buah negara (Ti, 2024). Peningkatan ini dikaitkan dengan tindakan tegas terhadap kes-kes rasuah berprofil tinggi yang melibatkan pemimpin kanan negara. Sebaliknya, situasi di rantau Asia Pasifik secara keseluruhannya masih membimbangkan. Purata skor CPI bagi rantau Asia Pasifik kekal pada 45 daripada 100 bagi lima tahun berturut-turut, mencerminkan kegagalan berterusan dalam agenda anti-rasuah kepemimpinan rantau ini (TI, 2024). Keadaan ini membuktikan bahawa prinsip kepemimpinan berasaskan

kelayakan yang dikemukakan oleh Hamka (1990) masih sangat diperlukan dan belum dilaksanakan sepenuhnya dalam konteks semasa (Fatma et al., 2025).

Aplikasi kriteria ilmu dalam era pentadbiran moden

Hamka (1990) menegaskan bahawa pemimpin mesti dipilih berasaskan ilmu yang relevan dengan tugas yang dipikul. Prinsip ini terbukti diabaikan dalam konteks pentadbiran awam Malaysia. Antara tahun 2019 hingga 2023, SPRM mendedahkan seramai 2,163 penjawat awam ditahan atas pelbagai kesalahan rasuah, mewakili 43.3 peratus daripada keseluruhan 4,996 tangkapan dalam tempoh yang sama. Statistik ini menunjukkan bahawa rasuah dalam kepemimpinan awam bukan isu yang kecil dan membuktikan keperluan memilih pemimpin berasaskan kelayakan sebenar sebagaimana yang ditekankan oleh Hamka (1990). Pelbagai skandal berprofil tinggi di Malaysia seperti 1MDB dan Tabung Haji membuktikan bahawa pemimpin yang dipilih atas dasar pengaruh politik dan bukan kelayakan sebenar telah menyebabkan kerugian besar kepada negara (Kaufmann dan Kraay, 2021). Kajian Kaufmann dan Kraay (2021) tentang indikator tadbir urus global menunjukkan bahawa negara yang mengamalkan pemilihan pemimpin berasaskan kompetensi mencatatkan tahap akauntabiliti dan keberkesanan kerajaan yang lebih tinggi. Dapatan ini secara langsung membuktikan prinsip Hamka (1990) bahawa ilmu dan keupayaan adalah syarat asas kepemimpinan yang berkesan, dan pengabaianya membawa akibat yang nyata kepada rakyat (Iqbal dan Lewis, 2009).

Relevansi dalam konteks institusi pendidikan Islam

Implikasi penafsiran Hamka (1990) sangat relevan bagi institusi pendidikan Islam di Malaysia dan Indonesia. Daud (1997) dalam kajian beliau tentang konsep ilmu dalam Islam menghujahkan bahawa ketidakseimbangan antara ilmu agama dan ilmu teknikal merupakan punca utama kelemahan kepemimpinan dalam institusi Islam kontemporari. Ketidakseimbangan ini bertentangan secara langsung dengan prinsip bastatan fi al-'ilm yang dikemukakan oleh Hamka (1990) yang mensyaratkan pemimpin menguasai ilmu yang relevan dengan tugas yang dipikul, bukan sekadar ilmu agama secara umum. Mustafa (2020) turut mengesahkan bahawa program kepemimpinan Islam kontemporari perlu mengintegrasikan tiga perspektif iaitu apa yang sepatutnya berlaku, apa yang pernah dipraktikkan dan apa yang sesuai untuk masa depan. Berdasarkan kerangka ini, institusi seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Islam Negeri (UIN) di Indonesia perlu merangka semula kurikulum kepemimpinan mereka dengan memasukkan secara eksplisit dua dimensi yang ditekankan oleh Hamka (1990) iaitu dimensi intelektual-teknikal dan dimensi fizikal-psikologi. Langkah ini penting bagi memastikan graduan yang dilahirkan bukan sahaja berilmu agama tetapi benar-benar kompeten dan bersedia memimpin dalam persekitaran moden yang semakin kompleks (Mohd Sani et al., 2020).

Implikasi teoretikal

Dari sudut teoretikal, kajian ini membawa beberapa implikasi penting kepada bidang pengajian tafsir dan kepemimpinan Islam. Kajian ini membuktikan bahawa Tafsir Al-Azhar karya Hamka (1990) bukan sekadar tafsir tradisional, malah merupakan sumber pemikiran kepemimpinan Islam yang kaya dan relevan. Hal ini sekali gus memperluas kefahaman akademik tentang sumbangan karya tafsir Nusantara terhadap wacana

kepemimpinan Islam (Hidayati, 2018; Yusoff dan Abdullah, 2013). Analisis linguistik dalam kajian ini turut menunjukkan bahawa makna ayat 247-248 sangat mendalam, melampaui teks tersurat. Penggunaan istilah bastatan dan bukannya sekadar 'ilm atau quwwah mencerminkan ketelitian bahasa al-Quran dalam menetapkan kriteria kepemimpinan (Al-Raghib al-Asfahani, 1992; Ibn Manzur, 1990). Dapatan ini menyumbang kepada pengukuhan bidang tafsir linguistik (al-tafsir al-lughawi) yang masih memerlukan pembangunan lanjut dalam konteks pengajian Islam Nusantara. Kajian ini juga membuktikan bahawa pendekatan adabi ijtimai yang digunakan oleh Hamka (1990) bukan sekadar gaya penulisan semata-mata. Ia merupakan metodologi tafsir yang unik dan produktif dalam menghubungkan teks al-Quran dengan realiti semasa. Penemuan ini membuka ruang baharu untuk kajian lanjut tentang metodologi tafsir kontekstual dalam tradisi keilmuan Islam Nusantara (Riddell, 2001; Azra, 1999).

Implikasi praktikal

Dari sudut praktikal, kajian ini mencadangkan agar prinsip kepemimpinan Hamka (1990) dilaksanakan dalam konteks moden melalui beberapa pendekatan. Pembangunan kerangka penilaian pemimpin perlu menggabungkan kriteria ilmu iaitu kepakaran teknikal serta kriteria fizikal-psikologi iaitu kesihatan dan keupayaan berfungsi sebagai komponen utama (Mustafa, 2020). Kerangka ini perlu bersifat holistik dan tidak terhad kepada penilaian akademik semata-mata. Prinsip ini juga perlu diserapkan ke dalam kurikulum pendidikan kepemimpinan di institusi pendidikan Islam. Daud (1997) menegaskan bahawa keseimbangan antara ilmu agama dan ilmu teknikal adalah tuntutan Islam yang sering diabaikan dalam sistem pendidikan moden. Langkah ini bertujuan melahirkan pemimpin yang memahami asas al-Quran dan mampu mengaplikasikannya dalam kerjaya profesional moden (Mohd Sani et al., 2020). Selain itu, agensi kerajaan dan badan berkanun yang bertanggungjawab melantik pemimpin awam perlu mengambil kira dua kriteria utama Hamka (1990) sebagai asas dalam proses pemilihan. Pengabaian kriteria ini, sebagaimana yang dibuktikan oleh data TI (2024), terbukti membawa kerugian yang besar kepada negara dan masyarakat.

Cadangan kajian lanjutan

Kajian ini membuka beberapa ruang kajian lanjut yang signifikan. Fokus kajian ini yang terhad kepada ayat 247 dan 248 sahaja menyebabkan gambaran menyeluruh tentang pemikiran kepemimpinan Hamka (1990) tidak dapat dihuraikan sepenuhnya. Terdapat banyak lagi ayat kepemimpinan dalam Tafsir Al-Azhar yang memerlukan kajian lanjut sebagai kesinambungan kepada dapatan ini, termasuk perbincangan Hamka dalam Surah Al-Nisa dan Surah Al-Hujurat. Kajian ini juga hanya merujuk kepada Tafsir Al-Azhar Jilid 1 sahaja. Hamka (1990) turut membincangkan tema kepemimpinan dalam jilid-jilid lain yang kaya dengan prinsip kepemimpinan Islam. Pengkaji akan datang digalakkan untuk meneliti jilid-jilid tersebut bagi mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif tentang pemikiran kepemimpinan Hamka secara keseluruhan. Kajian empirikal juga amat diperlukan sebagai kesinambungan kepada kajian deskriptif-analitik ini. Kajian tinjauan atau kajian kes di universiti Islam tempatan seperti UIAM dan UIN amat diperlukan bagi mengesahkan sama ada prinsip Hamka (1990) benar-benar boleh dilaksanakan dalam konteks moden. Akhirnya, perluasan analisis komparatif kepada mufassir lain seperti Al-Tabari, Al-Zamakhshari

dan Al-Maraghi berpotensi memberikan dimensi perbandingan yang lebih kaya dan komprehensif dalam kajian akan datang.

Kesimpulan

Artikel ini menganalisis kriteria pemilihan pemimpin menurut Hamka (1990) dalam Tafsir Al-Azhar melalui penelitian terhadap Surah Al-Baqarah ayat 247 hingga 248. Kajian menggabungkan aspek linguistik, perbandingan antara mufassir serta penilaian relevansi semasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa Hamka (1990) menolak keras faktor keturunan dan kekayaan sebagai asas kepemimpinan. Beliau menyifatkan kriteria tersebut sebagai "penyakit sosial" yang boleh melemahkan masyarakat. Penegasan ini selari dengan pemikiran tokoh besar lain seperti Al-Qaradawi (2009) dan Ibnu Taimiyah (1988) yang mementingkan kelayakan berbanding status. Hamka (1990) menetapkan dua kriteria utama yang saling melengkapi. Keluasan ilmu (bastatan fi al-'ilm) merangkumi kepakaran khusus dalam bidang tugas, manakala keupayaan fizikal (bastatan fi al-jism) melibatkan aspek kesihatan, kewibawaan serta ketahanan diri pemimpin. Secara linguistik, istilah bastatan menunjukkan bahawa seorang pemimpin mesti mempunyai kelebihan yang menonjol, bukan sekadar memiliki kualiti pada tahap yang biasa sahaja. Melalui kupasan ayat 248, kajian ini mendedahkan dimensi ketiga kepemimpinan iaitu kemampuan pemimpin memberikan sakinah atau ketenangan dan inspirasi rohani kepada pengikutnya. Kualiti ini melangkaui kecekapan teknikal semata-mata kerana ia menyentuh aspek emosi dan jiwa rakyat. Keunikan tafsiran Hamka (1990) berbanding Qutb (2003), Quraish Shihab (2002) dan Ibnu Kathir (2000) terletak pada keupayaan beliau menghubungkan prinsip al-Quran dengan realiti semasa secara kritis dan praktikal melalui pendekatan adabi ijtimai'. Kesimpulannya, kajian ini mengesahkan bahawa Tafsir Al-Azhar merupakan sumber intelektual yang signifikan dalam wacana kepemimpinan Islam. Sumbangan kajian ini terletak pada tiga perkara utama iaitu pengesahan analisis linguistik bastatan sebagai konsep kepemimpinan yang unggul, pendedahan dimensi sakinah sebagai kriteria ketiga yang selama ini kurang diberi perhatian, serta pembuktian bahawa metodologi adabi ijtimai' Hamka adalah pendekatan tafsir yang relevan dan produktif untuk menangani krisis kepemimpinan Islam kontemporari.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abdullah, M.Y. (2011): Pemikiran Hamka tentang kepemimpinan Islam: Satu analisis. – Jurnal Usuluddin 33(1): 24p.
- [2] Al Ajlaan, H.K. (2025): Lessons learned from the story of Talut: an analytical study. – Al-Hidayah 7(1): 39-54.

- [3] Al-Maraghi, A.M. (1986): Tafsir Al-Maraghi (Terjemahan Bahasa Melayu). – Toha Putra, Semarang 7800p.
- [4] Al-Qaradawi, Y. (2009): Fiqh al-Dawlah fi al-Islam: Makanatuha, Ma'alimuha, Tabi'atuha. – Dar al-Shuruq, Kaherah 320p.
- [5] Al-Raghib al-Asfahani, H.M. (1992): Mufradat al-faz al-Quran. – Dar al-Qalam, Damsyik 560p.
- [6] Al-Tabari, M.I.J. (2001): Jami' al-Bayan 'an Ta'wil ay al-Quran. – Dar Hijr, Kaherah 9500p.
- [7] Azra, A. (1999): Konteks berteologi di Indonesia: Pengalaman Islam. – Paramadina, Jakarta 252p.
- [8] Creswell, J.W. (2014): Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. – SAGE Publications, California 304p.
- [9] Daud, W.M.N.W. (1997): The concept of knowledge in Islam and its implications for education in a developing country. – Mansell, London 198p.
- [10] Fatma, D., Bustamam, R., Melisawati, S., Renanda, R. (2025): Nilai-nilai kepemimpinan dalam kisah Al-Qur'an: Kajian atas kisah Thalut dalam QS. Al-Baqarah ayat 246–251. – Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan 11(1.D): 97-110.
- [11] Federspiel, H.M. (1996): Popular Indonesian literature of the Qur'an. – Southeast Asia Program, Cornell University, New York 166p.
- [12] Guezzou, M. (Trans.). (2011): Vocabulary of the Quran [Translation of Mufradat al-faz al-Quran by al-Raghib al-Asfahani]. – The Islamic Foundation, Leicester 708p.
- [13] Hamka (1990): Tafsir Al-Azhar Jilid 1. – Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura 698p.
- [14] Hamka, R. (1981): Pribadi dan martabat Buya Hamka. – Pustaka Panjimas, Jakarta 270p.
- [15] Hidayati, H. (2018): Metodologi tafsir kontekstual Al-Azhar karya Buya Hamka. – El-'Umdah: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir 1(1): 25-42.
- [16] Ibn Manzur, M.M. (1990): Lisan al-'Arab. – Dar Sadir, Beirut 4600p.
- [17] Ibnu Kathir, I.U. (2000): Tafsir al-Quran al-Azim. – Dar Taybah li al-Nashr wa al-Tawzi', Riyadh 5600p.
- [18] Ibnu Taimiyah, A.A. (1988): Al-Siyasah al-Shar'iyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'iyah. – Dar al-Afaq al-Jadidah, Beirut 240p.
- [19] Ibrahim, I (2001): Pemikiran Hamka dalam bidang tafsir: Satu kajian tentang Tafsir al-Azhar. – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur 180p.
- [20] Iqbal, Z., Lewis, M.K. (2009): An Islamic perspective on governance. – Edward Elgar Publishing, Cheltenham 368p.
- [21] Kaufmann, D., Kraay, A. (2021): Worldwide Governance Indicators: Methodology and analytical issues. – World Bank Group, Washington 31p.
- [22] Krippendorff, K. (2004): Content analysis: An introduction to its methodology. – Sage Publications, California 413p.
- [23] Long, A.S. (2009): Metodologi penyelidikan pengajian Islam. – Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 280p.
- [24] Mamat, I.B., Noor, A.A.H. (2017): A model of Islamic leadership based on Hasan Banna's writings. – Journal of Education and Social Sciences 8(1): 269-274.
- [25] Mohd Sani, M.A., Mohd Zain, A., Che Harun, F. (2020): Kriteria pemimpin menurut al-Quran: Satu kajian tematik. – Jurnal Hadhari 12(2): 145-166.
- [26] Mustafa, H. (2020): Kepimpinan dalam Islam: Teori dan praktis. – IIUM Press, Kuala Lumpur 250p.
- [27] Quraish Shihab, M. (2002): Tafsir Al-Misbah: Pesan, kesan dan keserasian al-Quran. – Lentera Hati, Jakarta 624p.
- [28] Qutb, S. (2003): Fi Zilal al-Quran (Terjemahan Bahasa Melayu). – GemilangPress, Kuala Lumpur 7200p.
- [29] Riddell, P.G. (2001): Islam and the Malay-Indonesian world: Transmission and responses. – Hurst & Company, London 349p.

- [30] Saleh, W.A. (2010): The formation of the classical tafsir tradition: The Qur'an commentary of al-Tha'labi. – Brill, Leiden 267p.
- [31] Transparency International (TI) (2024): Corruption Perceptions Index 2023. – Transparency International, Berlin 32p.
- [32] Wehr, H., Cowan, J.M. (Ed.) (1994): A dictionary of modern written Arabic: Arabic-English. – Spoken Language Services, New York 1301p.
- [33] Yusoff, Z.M., Abdullah, A.H. (2013): Pemimpin menurut pandangan HAMKA: Satu tinjauan dalam Tafsir Al-Azhar. – Jurnal al-Tamaddun 8(1): 17-38.
- [34] Zamakhshari, M.U. (1995): Al-Kashshaf 'an Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil. – Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut 3200p.